NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 19 /02 / 2008

Beri peluang pendidikan berkualiti – Abdullah

UM – 19/2/2008

SUBANG 18 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, negara perlu memberi peluang pendidikan yang banyak dan berkualiti kepada rakyat khususnya golongan muda bagi membolehkan mereka memperkasakan diri.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu penting kerana sejarah membuktikan banyak negara di dunia mundur kerana kurang memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan.

"Negara ini ingin maju pada 2020 dan selepas itu kita akan teruskan lagi mencapai kemajuan... tidak ada noktah.

"Kalau tidak ada ilmu, tidak akan ada kreativiti dan inovasi kerana ia tidak wujud dalam rakyat yang tiada ilmu pengetahuan," katanya berucap merasmikan Kampus Induk Kolej SEGi bernilai RM150 juta di Kota Damansara di sini hari ini.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan Pengerusi SEG International Berhad, Datuk Pahamin A. Rajab.

Kolej SEGi ditubuhkan sejak 2006 hasil gabungan dua institusi pendidikan swasta iaitu Kolej PRIME dan Kolej Systematic yang kini mempunyai 16,000 pelajar dan 1,200 kakitangan di lima kampus seluruh negara.

Di bawah program yang diatur oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Putera UMNO, seramai 8,000 pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran di universiti awam dan swasta telah diberi peluang kedua mengikuti kursus kemahiran di Kolej SEGi.

Dalam hal ini, Abdullah mengalu-alukan program itu dan berharap ia diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai anak muda mendapat peluang meningkatkan keupayaan diri menjadi tenaga teknikal, kejuruteraan dan pengurusan.

Perdana Menteri menegaskan, peluang kedua harus disediakan oleh semua pihak termasuk sektor swasta kepada anak-anak muda ini supaya mereka dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

"Kita tidak mahu mereka menjadi liabiliti sebaliknya perlu menjadi aset kepada negara. Kita tidak mahu mereka terbabit dengan pelbagai masalah seperti dadah, jenayah dan tindakan antisosial yang tidak berfaedah," katanya.

Pada masa yang sama, tegasnya, golongan muda pula perlu merebut peluang yang disediakan sebaik mungkin agar masa muda yang hanya datang sekali seumur hidup tidak dipersia-siakan.

PAHAMIN A. Rajab menyampaikan cenderamata kepada Abdullah Ahmad Badawi pada Majlis Perasmian Kampus Utama Kolej SEGi di Kota Damansara, Kuala Lumpur, semalam.

Kalau tidak ada ilmu, tidak akan ada kreativiti dan inovasi kerana ia tidak wujud dalam rakyat yang tiada ilmu pengetahuan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Pada sidang akhbar selepas itu, Abdullah menjelaskan, langkah kerajaan mewujudkan pembangunan koridor adalah bertujuan memastikan segala kekurangan yang dihadapi rakyat termasuk peluang pendidikan diatasi.

"Kita berkemampuan untuk memberi peluang-peluang yang bermutu ini, sebab itu kita ada pembangunan koridor supaya kalau masih ada kekurangan kita mesti tambah.

"Kita juga hendak pastikan pembangunan di negara kita ini seimbang antara semua bahagian, kawasan dan daerah," jelasnya.

YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA